

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE  
(PETALING JAYA UTARA)**  
**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [ PETALING JAYA UTARA ]**  
minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah nilai dan keluasan tanah yang dibeli oleh anak syarikat MOF daripada 1MDB di Tun Razak Exchange membeli tanah TRX pada tahun 2015 dan apakah tujuan pembelian, jika ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Dengan keluasan tapak projek Tun Razak Exchange (“TRX”) sejumlah 70 ekar, TRX City Sdn Bhd (“TRXC”) telah menjual lebih 60% plot-plot tanah di TRX. Berikut adalah senarai pembeli-pembeli tanah TRX:

- i. Mulia Property Development Sdn Bhd - jualan tanah komersial;
- ii. Affin Bank Berhad - jualan tanah komersial;
- iii. Lembaga Tabung Haji - jualan tanah kediaman;
- iv. WCT Precious Development Sdn Bhd - jualan tanah kediaman;
- v. Syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan ("MKD") - jualan tanah komersial; dan
- vi. Lendlease melalui LQ Retail Sdn Bhd, LQ Residential 1 Sdn Bhd, LQ Residential 2 Sdn Bhd dan LQ Residential 3 Sdn Bhd - usahasama TRXC (40%) dan Lendlease (60%) untuk membangunkan tanah komersial dan kediaman.

Tuan Yang Dipertua,

Merujuk kepada transaksi-transaksi di atas, jumlah jualan telah mencapai lebih RM 3.5 bilion untuk keluasan tanah kasar atau *gross land area* (dengan izin) sebanyak 30.45 ekar dan keluasan binaan atau *gross floor area* (dengan izin) sebanyak 14,079,406 kaki persegi.